

Headline	Drama Festival Kuala Lumpur DFKL bakal berlangsung		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Oct 2013	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,339



# Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) bakal berlangsung

**SEMPENA** ulang tahun yang ke-30, stesen televisyen nombor satu tanah air, TV3 bersama TV9 akan mempersembahkan festival drama yang pertama dan terbesar iaitu Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) pada tahun hadapan.

Acara yang julung kali diadakan ini bakal melibatkan seterusnya menghubungkan karyawan industri kreatif termasuklah pengarah, penulis skrip, sinematografer, pelakon dan pengacara dari amatir hinggalah ke profesional.

Sejak ditubuhkan pada 1984, TV3 memperkenalkan beberapa slot drama, bermula dengan Cerekarama pada 1985 diikuti Identiti (1995), Samarinda (2004), Lestary (2005), Akasia (2007), Aksi (2007), Seram (2007), Legenda (2008) digantikan dengan slot Azalea (2012), dan Zehra (2009).

Judul drama seperti *Salam Taj Mahal*, *Cinderella*, *Natasha*, *Spa Q*, *Jelatang*, *Nur Kasih*, *Juvana*, *Nora Elena*, *Tentang Dhia*, *Vanila Coklat*, *Setia Hujung Nyawa*, *Teduhan Kasih* dan banyak lagi mencetuskan fenomena luar biasa dalam kalangan penonton.

Menerusi drama yang diterbitkan di TV3 ini juga melahirkan ramai pelakon popular. Justeru, TV3 cukup sinonim dengan gelaran 'Home of Drama'.

TV9 juga tidak ketinggalan menyiarkan drama berkualiti untuk tontonan penonton

setianya.

Sejak penubuhannya pada 2006, TV9 turut mengambil bahagian menyemarakkan industri drama tanah air.

Pada 2010, TV9 mengukuhkan lagi penguasaan dramanya melalui tiga slot utama iaitu Ratu, Aurora dan Skrin Di 9 menjadikan stesen itu sebagai pilihan ke-2 penggemar drama mMlayu selepas TV3.

Antara tajuk drama yang popular di TV9 termasuk *Ceplos*, *Karma*, *Ariana Mikail*, *Terlanjur Cinta*, *Dalam Setiap Sujudnya* dan *Cinta Jangan Pergi*.

Sebelum berlangsungnya DFKL, TV3 dan TV9 akan mengadakan siri jelajah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang terpilih bermula 2 hingga 16 Disember untuk mempromosikan DFKL.

Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah memperkenalkan DFKL dan Pertandingan Drama Pendek.

Selain itu, karyawan yang terlibat dengan DFKL turut menyertai siri jelajah ini untuk berkongsi pengalaman mereka.

Siri jelajah DFKL akan ke kampus seperti berikut, pada 2 Disember di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Universiti Selangor (UNISEL), 4 Disember di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), 6 Disember di Kolej Universiti Shahputra (UCSA) dan Kolej Antarabangsa IKIP, 10 Disember di Universiti Tek-

nologi MARA (UiTM) Lendu, Melaka dan Universiti Multimedia Melaka (MMU), 12 Disember di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Johor dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor dan 16 Disember di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Pertandingan Drama Pendek terbuka kepada semua warganegara. Pertandingan ini bermula 1 November hingga 30 Disember.

Durasi drama pendek tersebut ialah 5 minit dan bertemakan kehidupan, percintaan atau komedi yang berkisarkan tentang realiti masyarakat di Malaysia.

Hasil drama pendek ini perlu dihantar melalui [www.veedo.my](http://www.veedo.my). Pemenang tempat pertama akan membawa pulang wang tunai RM10,000 dan drama pendek tersebut akan disiarkan di televisyen, tempat kedua RM5,000 serta tempat ketiga RM3,000.

Menurut Pengerus Besar Kumpulan TV3 & TV9, Sherina Nordin, "DFKL merupakan usaha dua stesen televisyen di bawah Media Prima Berhad untuk menyumbang seterusnya memartabatkan industri drama tanah air.

Stesen televisyen dan karyawan dapat memberi pendidikan kepada orang ramai secara menyeluruh mengenai pembikinan sesebuah drama.

"Di samping itu, kita dapat berkongsi dan saling bertukar idea berkaitan drama

selain mencari pelapis dan karyawan baru yang berbakat dalam bidang seni."

"Festival ini boleh dilihat sebagai platform yang menghubungkan stesen televisyen dengan karyawan Indie. Mereka boleh menyumbang naskah menerusi Pertandingan Drama Pendek.

Secara tidak langsung, menjadi penanda aras untuk membawa industri drama ke tahap yang lebih tinggi.

"Dalam pada itu, festival ini juga dapat menarik penonton baru khasnya generasi muda dan terus setia bersama rancangan yang diterbitkan oleh TV3 dan TV9", tambah Sherina.

Layari laman web rasmi TV3 di [www.tv3.com.my](http://www.tv3.com.my) / [www.tv9.com.my](http://www.tv9.com.my) dan laman sosial Facebook, Twitter, Instagram serta Youtube TV3Malaysia / TV9Malaysia untuk berita dan informasi terkini.

Pengguna laman sosial boleh menggunakan tanda pagar #DramaFestKL bagi untuk menghangatkan lagi bahang DFKL yang bakal berlangsung pada tahun hadapan.

Selain itu, bengkel yang dikelola oleh penceramah berpengalaman turut berlangsung di DFKL.

Merela bakal berkongsi ilmu secara teori dan praktikal menerusi empat kategori berbeza iaitu Pengarahan, Penulisan Skrip, Lakonan, Kandungan dan Muzik. Maklumat bengkel DFKL seperti di bawah:

Headline	Drama Festival Kuala Lumpur DFKL bakal berlangsung		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Oct 2013	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,339



**BARISAN** penceramah yang akan menjayakan bengkel di Drama Festival Kuala Lumpur.



**NINI Yusof dan Siti Nurlisia** bersama barisan penceramah terdiri daripada Rosyam Nor, Isma Yusof dan Ahmad Idham.

<b>Headline</b>	<b>Drama Festival Kuala Lumpur DFKL bakal berlangsung</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>12 Oct 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>STAIL</b>	<b>Circulation</b>	<b>37,981</b>
<b>Page No</b>	<b>M4</b>	<b>Readership</b>	<b>113,943</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>783 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,780</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 5,339</b>

<b>KATEGORI</b>	<b>SPEAKER</b>	<b>OBJEKTIF</b>
Pengarahannya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khabir Bhatia</li> <li>• Ahmad Idham</li> <li>• Sabri Yunus</li> <li>• IsmaYusuf</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepanjang kursus dijalankan, peserta berpeluang mempelajari teknik berkomunikasi dengan pelakon seterusnya membantu pelakon menyampaikan sesuatu watak dengan berkesan.</li> <li>• Speaker akan menfokuskan setiap babak dari aspek teori dan teknikal pengarahannya.</li> </ul>
Penulisan Skrip (Drama / Rancangan TV / Iklan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wan Hasliza</li> <li>• Erma Fatima</li> <li>• Siti Jasmina</li> <li>• Siti Jasmina</li> <li>• Rozie Rashid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta akan mempelajari cara untuk memahami dan menjiwai sesuatu karakter melalui penulisan skrip. Meningkatkan kefahaman skrip akan menambah kualiti persembahan.</li> <li>• Speaker akan berkongsi teknik-teknik tertentu yang membolehkan peserta membaca apa sahaja situasi dan keadaan untuk menjadikan sebuah cerita kuat dan jelas.</li> </ul>
Lakonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fauziah Nawi</li> <li>• Dato' Jalaluddin Hassan</li> <li>• Rosyam Nor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Direka untuk pelakon baru atau amatir. Speaker akan mengajar asas-asas lakonan.</li> <li>• Setiap sesi mengutamakan cara dan teknik yang berkesan untuk menjadikan lakonan lebih semula jadi dan spontan.</li> </ul>
Kandungan & Muzik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Azmeer</li> <li>• Habsah Hassan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta akan dapat memahami konsep dan cerita untuk mengenalpasti prinsip-prinsip penting sesebuah idea. Speaker juga akan mengenalpasti matlamat sesebuah cerita bagi membantu peserta menggambarkan watak secara menyeluruh.</li> <li>• Memilih dan mencipta muzik yang sesuai untuk sesebuah drama.</li> </ul>